



NEGERI BRUNEI

E 9 TAHUN 1978

UNDANG2 EJEN2 PELANCHONGAN, 1978

Beta bersetuju,



HASSANAL BOLKIAH

*Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan.*

Satu Undang2 untok mengadakan sharat bagi melesen Ejen2 Pelanchongan dan bagi mengator kerja2 mereka; dan bagi maksud2 yang berkaitan dengan-nya.

[3 . 5 . 78]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti yang berikut: —

BAHAGIAN I PERMULAAN

**Gelaran
pendek dan
permulaan.**

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Ejen2 Pelanchongan 1978, dan akan berjalan kuatkuasa-nya pada suatu tarikh yang Menteri Besar boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan.

Tafsiran.

2. (1) Di-dalam Undang2 ini, kechuali jika kandongan-nya berkehendakkan ma'ana yang lain: —

“Lembaga” berma'ana Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei yang telah ditubuhkan di-bawah Bab 3 dari Undang2 Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, 1975;

“Lesen” berma'ana sesuatu lesen yang di-keluarkan di-bawah Undang2 ini;

“Pemegang Lesen” berma'ana sesiapa jua yang memegang lesen yang telah di-berikan kepada-nya atau bagi pehak-nya.

Pengenaan.

3. Tiada sebarang apa pun di-dalam Undang2 ini boleh di-tafsirkan sebagai melepaskan sesiapa jua dari kehendak2 mana2 Undang2 bertulis yang berhubung dengan pendaftaran nama2 perniagaan, sharikat2 dan sharikat2 kerjasama atau pembayaran apa jua bayaran berthabit dengan pendaftaran tersebut.

**Perniagaan
ejen
pelanchongan.**

4. (1) Terta'alok kepada syarat2 bab ini, sa-saorang ada-lah menjalankan perniagaan egen pelanchongan jika orang itu —

(a) menjual tiket2 yang memberi hak kepada sa-saorang untok melakukan perjalanan, atau dengan chara lain mengator bagi sa-saorang mendapatkan hak perjalanan di-dalam sa-sabuah kenderaan; atau

- (b) menjual kepada, atau mengator atau menyediakan bagi, sa-saorang mendapatkan hak2 perjalanan ka-, dan hotel atau tempat tinggal lain di-, satu atau lebeh tempat (ia-itu tempat2 di-dalam atau di-luar kawasan Brunei, atau beberapa daripada-nya di-dalam dan yang lain-nya di-luar Brunei); atau
- (c) membeli untok di-jual balek hak perjalanan di-dalam sa-sabuah kenderaan; atau
- (d) menjalankan apa jua kegiatan yang mungkin di-tentukan; atau
- (e) menawarkan diri sebagai, atau mengi'klankan bahawa ia-nya, sanggup menjalankan apa jua kegiatan yang di-sebutkan dalam perenggan (a), (b), (c) atau (d).

(2) Sa-saorang tidak-lah menjalankan perniagaan ejen pelanchongan kerana hanya menjalankan tatkala melakukan perkerjaan-nya apa jua kegiatan yang di-sebutkan dalam cheraian (1).

(3) Sa-saorang tidak-lah menjalankan perniagaan ejen pelanchongan berthabit dengan apa jua kegiatan yang di-sebutkan dalam —

- (a) perenggan (a) dari cheraian (1) jika ia menjalankan kegiatan berthabit dengan sa-sabuah kenderaan terhadap mana ia ada-lah pemilek-nya; atau
- (b) perenggan (b) dari cheraian (1) jika ia menjalankan kegiatan berthabit dengan sa-sabuah kenderaan dan tempat tinggal terhadap mana ia ada-lah pemilek-nya.

(4) Sa-saorang tidak-lah menjalankan perniagaan ejen pelanchongan kerana hanya menawarkan diri-nya sebagai, atau mengi'klankan bahawa ia-nya, sanggup menjalankan apa jua kegiatan terhadap mana perenggan (a) atau (b) dari cheraian (3) di-kenakan.

Lembaga bertanggung-jawab terhadap pengendalian Undang2 ini.

5. (1) Lembaga ada-lah bertanggung-jawab terhadap pengendalian. Undang2 ini dan boleh membenarkan mana2 pegawai2-nya atau sabuah Jawatankuasa untok menjalankan mana2 kuasa, yang di-berikan kapada dan melakukan mana2 dari tugas yang di-kenakan keatas Lembaga oleh Undang2 ini bagi pehak-nya.

(2) Bagi maksud bab ini, Lembaga ada-lah mempunyai kuasa untok menubuhkan sa-buah Jawatankuasa yang akan di-kenali sebagai Jawatankuasa Perkembangan Pelanchongan yang terdiri daripada beberapa ahli samada di-lantek dari kalangan ahli Lembaga atau bukan sebagaimana yang Lembaga mungkin memikirkan patut.

BAHAGIAN II

MELESENI EJEN2 PELANCHONGAN

Orang2 yang menjalankan perniagaan ejen pelanchongan hendak-lah berlesen.

6. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan ejen pelanchongan melainkan ia-nya memegang sa-suatu lesen yang di-berikan kapada-nya atau bagi pehak-nya.

(2) Barang siapa yang melanggar atau gagal mematohi syarat2 dari cheraian (1) ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit kesalahan-nya suatu denda yang tidak melebihi sa-puluh ribu ringgit atau hukuman penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua2-nya hukuman denda dan peniara tersebut.

**Permohonan
mendapatkan
lesen.**

7. (1) Barang siapa yang berhajat hendak memperoleh sesuatu lesen hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga dalam borang sebagaimana yang Lembaga mungkin mengkehendakinya.

(2) Apabila menerima sesuatu permohonan di-bawah cheraian (1) maka Lembaga hendaklah menimbangkan permohonan tersebut dan boleh memberikan sesuatu lesen, dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberikan sesuatu lesen.

(3) Lembaga hendaklah menolak pemberian sesuatu lesen jika —

(a) bukti keterangan yang memuaskan maseh belum di-kemukakan mengenai nama baik dan peribadi pemohon atau, jika pemohon itu sebuah sharikat mengenai pegawai2-nya yang menyandang jawatan pengurus atau pegawai kerja atau, jika pemohon itu ia-lah sa-buah firma, mengenai ahli2 firma itu; atau

(b) bukti keterangan yang memuaskan maseh belum di-kemukakan untok menunjokkan bahawa pemohon ia-lah sa-orang yang layak lagi patut untok memegang lesen; atau

(c) pemohon atau, jika pemohon-nya itu sa-buah firma, mana2 ahli dari firma tersebut, telah di-dapati thabit-kesalahan melakukan apa jua kesalahan yang melibatkan penipuan atau kekejian akhlak atau, jika pemohon itu ia-lah sa-buah sharikat, mana2 dari pegawai2-nya yang menyandang jawatan pengurus atau pegawai kerja telah di-dapati thabit-kesalahan melakukan apa jua kesalahan yang melibatkan penipuan atau kekejian akhlak; atau

(d) jika Lembaga memikirkannya bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(4) Lembaga boleh pada bila2 masa mengubah atau membatalkan mana2 dari syarat2 lesen yang ada atau mengenakan syarat2 atau syarat2 tambahan kapada-nya.

(5) Lembaga hendak-lah, sebelum mengambil sebarang tindakan di-bawah cheraian (4), memberitahu tujuan-nya untuk mengambil tindakan sademikian kapada pemegang lesen yang berkenaan dan hendak-lah memberi pemegang lesen peluang untuk mengemukakan sebab2 mengapa syarat2 lesen-nya itu tidak harus diubah atau di-batalkan sademikian itu.

(6) Jika sa-suatu lesen itu ada-lah terta'alok kapada syarat2 maka pemegang lesen-nya itu hendak-lah mematuhi syarat2 itu.

(7) Sesiapa jua yang tidak berpuashati dengan sa-suatu keputusan Lembaga di-bawah bab ini boleh, dalam tempoh sa-bulan satelah diberitahu mengenai keputusan Lembaga, merayu terhadap keputusan tersebut kapada Menteri Besar keputusan siapa terhadap-nya ada-lah mu'tamad.

**Menghadkan
bilangan lesen2
yang
di-keluarkan.**

8. Lembaga boleh, dengan kebenaran Menteri Besar menghadkan bilangan lesen2 yang akan di-keluarkan di-bawah Undang2 ini.

**Bayaran
tahunan
lesen.**

9. Tiap2 pemegang lesen hendak-lah membayar bayaran tahunan tertentu sebanyak mana mungkin di-tetapkan.

**Mempamirkan
lesen.**

10. (1) Tiap2 pemegang lesen hendak-lah mempamirkan lesen-nya atau salinan lesen itu yang di-perakui benar di-suatu tempat yang mudah di-lihat di-tempat perniagaan-nya yang utama dan di-tiap2 chawangan di-mana pemegang lesen itu ada menjalankan perniagaan ejen pelanchongan.

- (2) Sesiapa jua —
- (a) yang melanggar atau gagal mematuhi syarat2 ceteraian (1); atau
 - (b) yang bukan pemegang sa-suatu lesen ada menggantung atau mempamirkan di-dalam atau dekat pejabat, rumah atau tempat perniagaan-nya atau mempamirkan di-mana2 jua atau membiarkan tidak di-padam sebarang tanda, tulisan, lukisan atau tanda lain yang menunjukkan bahawa pejabat, rumah atau tempat perniagaan tersebut ia-lah pejabat, rumah atau tempat perniagaan orang yang di-leseni untok menjalankan perniagaan ejen pelanchongan

ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit kesalahan-nya suatu denda yang tidak melebihi sa-puluh ribu ringgit atau hukuman penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua2-nya hukuman denda dan penjara tersebut.

Pembatalan lesen.

11. (1) Lembaga boleh dengan perintah membatalkan sa-suatu lesen —
- (a) jika Lembaga berpuashati bahawa pemegang lesen itu —
 - (i) telah berhenti menjalankan perniagaan terhadap mana ia-nya telah di-beri lesen atau, jika pemegang lesen-nya itu sa-buah sharikat, menjadi bengkerap atau di-tutup atau dengan chara lain di-bubarkan; atau
 - (ii) dengan chara yang tidak betul telah memperolehi lesen-nya bertentangan dengan syarat2 Undang2 ini; atau

- (iii) tidak lagi menjadi orang yang layak dan patut untuk terus memegang lesen itu; atau
- (iv) telah di-dapati thabit-kesalahan-nya melakukan apa jua kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau kehinaan akhlak atau, jika pemegang lesen-nya itu ia-lah sa-buah sharikat, mana2 dari pegawai2-nya yang menyan-dang jawatan pengurus atau pegawai kerja atau, jika pemegang lesen-nya itu ia-lah sa-buah firma, mana2 ahli dari firma itu telah di-dapati thabit-kesalahan melakukan apa jua kesalahan yang meli-bati penipuan atau kehinaan akhlak; atau
- (v) sedang menjalankan atau telah menjalankan perniagaan ejen pelanchongan dengan chara yang menjadikan-nya tidak layak untuk terus me-megang lesen; atau
- (vi) sedang melanggar atau telah melanggar mana2 syarat dari Undang2 ini; atau
- (vii) telah di-dapati thabit kesa-lahan-nya melakukan apa jua kesalahan di-bawah Undang2 ini atau peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya atau, jika pemegang lesen-nya itu ia-lah sa-buah sharikat, mana2 dari pegawai2-nya yang menyan-dang jawatan pengurus atau pegawai kerja telah di-dapati thabit kesalahan-nya melaku-

kan apa jua kesalahan di-bawah Undang2 ini atau peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya; atau

- (b) jika Lembaga memikirkannya bagi kepentingan awam untok berbuat demikian.

(2) Lembaga hendak-lah, sabelum mem-batalkan mana2 lesen di-bawah sharat2 cheraian (1), memberikan pemegang lesen yang berkenaan notis sechara bertulis mengenai tujuan-nya untok berbuat demikian, menentukan sa-suatu tarikh, yang tidak kurang dari dua puluh satu hari salepas tarikh notis itu, bilamana pembatalan tersebut hendak di-kuatkuasakan dan meminta pemegang lesen-nya menunjukkan kepada Lembaga sebab mengapa lesen-nya tidak patut di-batalkan.

(3) Apabila Lembaga telah membatalkan sa-suatu lesen di-bawah sharat2 cheraian (1) ia hendak-lah dengan sertamerta memaalumkan kepada pemegang lesen yang berkenaan dengan notis sechara bertulis mengenai pembatalan tersebut.

(4) Orang yang lesen-nya telah di-batalkan boleh, dalam tempoh empat belas hari salepas menerima notis yang di-sebutkan dalam cheraian (3), atau dalam tempoh yang di-lanjutkan yang Menteri Besar mungkin membenarkan, merayu sechara bertulis terhadap pembatalan tersebut kepada Menteri Besar keputusan siapa terhadap-nya ada-lah mu'tamad.

(5) Sasuatu perintah pembatalan tidak akan berkuatkuasa sehingga tamat-nya tempoh empat belas hari salepas Lembaga telah memaalumkan pemegang lesen yang berkenaan mengenai perintah tersebut.

(6) Jika dalam tempoh itu pemegang lesen yang berkenaan memberi notis rayuan kepada Menteri Besar maka perintah tersebut tidak akan berkuatkuasa melainkan perintah itu di-sahkan oleh Menteri Besar atau pun rayuan itu kerana apa jua sebab di-tolak oleh Menteri Besar atau di-tarek balek.

Kesan pembatalan lesen.

12. (1) Bilamana sa-suatu perintah pembatalan berkuatkuasa di-bawah bab 11, maka pemegang lesen yang berkenaan hendak-lah dengan serta-merta berhenti dari menjalankan perniagaan selaku ejen pelanchongan.

(2) Syarat2 cheraian (1) tidak akan menyentoh perlaksanaan oleh sesiapa jua sebarang hak atau tuntutan terhadap pemegang lesen yang berkenaan atau oleh pemegang lesen yang berkenaan sebarang hak atau tuntutan terhadap sesiapa jua yang berbangkit dari atau mengenai sebarang perkara atau hal yang di-lakukan sabelum pembatalan lesen itu.

BAHAGIAN III

'AM

Memberi butir2 yang tidak betul dalam permohonan.

13. Sesiapa jua yang di-dalam mana2 permohonan bagi mendapatkan sa-suatu lesen membuat apa jua kenyataan yang tidak betul dalam apa jua perkara mustahak ada-lah bersalah dan boleh jika di-dapati thabit-kesalahan-nya dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit.

Penukaran yang salah dan kira2 palsu.

14. Mana2 pemegang lesen yang —

(a) menukar dengan sechara menipu untuk kegunaan-nya sendiri atau untuk kegunaan mana2 orang lain —

(i) sebarang wang, atau mana2 bahagian dari apa jua wang, yang telah di-terima oleh-nya bagi pehak sesiapa jua ber-

thabit dengan apa jua urusan dalam kedudukan-nya sebagai ejen pelanchongan atau

- (ii) sebarang wang, atau sa-
bahagian dari apa jua wang,
yang telah di-terima-nya yang
di-pegang oleh-nya sebagai
amanah sambil menunggukan
penyelesaian apa jua urusan;
- (b) dengan sechara menipu tidak
memasokkan kira2, menyerahkan
atau membayar —
- (i) sebarang wang atau mana2
bahagian daripada-nya yang
telah di-terima oleh-nya bagi
pehak sesiapa jua kapada
orang itu; atau
 - (ii) sebarang wang atau mana2
bahagian daripada-nya yang
telah di-terima oleh-nya yang
sedang atau telah di-pegang
oleh-nya sebagai amanah
saperti yang di-sebutkan tadi
sambil menunggukan penye-
lesaian urusan-nya kapada
orang atau orang2 yang ber-
hak menerima wang itu; atau
- (c) dengan sechara menipu mengemu-
kakan kira2 dengan mengetahui
bahawa kira2 itu ada-lah palsu
dalam apa jua perkara mustahak —
- (i) mengenai sebarang wang atau
mana2 bahagian daripada-nya
yang telah di-terima oleh-nya
bagi pehak sesiapa jua;
 - (ii) mengenai sebarang wang
yang telah di-terima oleh-nya
yang sedang atau telah di-
pegang oleh-nya sebagai

amanah sambil menunggukan penyelesaian apa jua urusan atau mana2 bahagian dari wang itu; atau

- (iii) mengenai perbelanjaan, komishen atau bayaran2 lain yang berkaitan dengan mana2 urusan atau urusan yang di-chadang atau di-jangka se-bagi ejen pelanchongan,

ada-lah bersalah dan boleh jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-kenakan hukuman penjara selama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

(2) Tiada sebarang apa pun yang terkandung di-dalam bab ini boleh di-ta'arifkan sebagai menghadkan atau dalam apa jua chara pun menyentoh syarat2 dari mana2 undang2 bertulis yang lain.

Kuasa untuk menggeledah bangunan.

15. Mana2 pegawai pulis yang bukan di-bawah pangkat Inspektor, apabila berpuashati dengan sebarang malumat dan salepas apa jua penyelidekan selanjut-nya yang dia fikir perlu bahawa ada sebab yang patut untuk memperchayai bahawa mana2 tempat ada-lah di-gunakan bagi menjalankan perniagaan ejen pelanchongan oleh sa-saorang yang bukan pemegang sa-suatu lesen, boleh dengan bantuan dan kekesaran yang perlu, di-waktu siang atau malam hari, memasoki atau pergi ka-tempat tersebut dan menggeledahinya dan semua orang yang di-dapati di-dalamnya, dan merampas semua dokumen dan benda yang dengan berpatutan di-jangka telah di-gunakan atau di-maksudkan untuk di-gunakan berkaitan dengan perniagaan pelanchongan yang di-dapati di-tempat tersebut atau pada diri orang itu, dan juga menahan semua orang itu sehingga mereka dan tempat tersebut telah di-geledahi.

Kuasa untuk menangkap.

16. (1) Mana2 pegawai pulis boleh tanpa waran menangkap sesiapa jua yang ia dengan berpautan mengshakki telah melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Undang2 ini.

(2) Mana2 pegawai pulis yang menangkap sa-saorang di-bawah cheraian (1) boleh memereksa orang itu dan mengambil milek semua barang yang di-dapati pada diri-nya yang ada sebab untok memperchayai telah di-gunakan berkaitan dengan kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa tiada sebarang orang perempuan boleh di-pereksa kechuali oleh sa-saorang perempuan.

(3) Tiap2 orang yang telah di-tangkap' itu hendak-lah di-bawa ka-sabuah balai pulis yang berhampiran.

Kuasa untuk menyiasat.

17. Dalam apa jua perkara yang berhubung dengan perbuatan melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Undang2 ini, mana2 pegawai pulis boleh menjalankan semua atau mana2 dari kuasa2 khas berhubung dengan kesalahan2 yang boleh di-tangkap yang di-berikan oleh Undang2 Peratoran Jenayah.

Kuasa2 Lembaga.

18. Mana2 pegawai pulis, dan mana2 pegawai Lembaga yang telah di-benarkan sechara bertulis bagi maksud itu oleh Lembaga, ada-lah, bagi maksud2 pelaksanaan Undang2 ini, mempunyai kuasa untok melakukan semua atau mana2 dari yang berikut, ia-itu —

(a) untok memasoki, memereksa dan menyelideki pada waktu siang atau malam tempat perniagaan mana2 pemegang lesen;

(b) untok mengkehendaki supaya dikemukakan rekod2, kira2 dan dokumen2 yang di-simpan oleh sa-saorang pemegang lesen dan untok memereksa, meneliti dan menyalin apa jua daripada-nya; dan

- (c) untuk membuat penyiasatan yang mungkin perlu untuk menentukan samada syarat2 dari Undang2 ini di-patohi setakat yang mengenai sesiapa jua yang bekerja dengan sa-saorang pemegang lesen untuk membantu pekerjaan ejen pelan-chongan.

**Menghalang
penggeledahan
dll.**

19.

Sesiapa jua yang —

- (a) enggan membenarkan mana2 pegawai pulis atau mana2 pegawai Lembaga yang telah di-beri kebenaran memasoki atau menggeledahi masuk ka-mana2 tempat;
- (b) menyerang, menghalang, menggan-gu atau melambat2kan-nya pada menghasilkan sebarang ke-masokan yang ia-nya berhak melaku-kan di-bawah Undang2 ini, atau pada melaksanakan sebarang tugas yang di-kenakan atau kuasa yang di-berikan oleh Undang2 ini;
- (c) gagal memenohi sebarang per-mintaan yang sah dari sa-saorang pegawai pulis atau sa-saorang pegawai Lembaga pada melaksana-kan tugas-nya di-bawah Undang2 ini; atau
- (d) enggan atau mengabaikan untuk memberi apa jua ma'alumat yang mungkin dengan berpatutan di-kehendaki daripada-nya dan yang mana ia berkuasa untuk memberikannya,

adalah bersalah dan boleh jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-kenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau hukuman penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua2-nya hukuman denda dan penjara tersebut.

**Tanggungjawab
pengarah2
rakan2
dll**

20. (1) Jika sa-suatu kesalahan di-bawah Undang2 ini telah di-lakukan oleh sa-sabuah sharikat, maka sesiapa jua, yang pada ketika berlaku-nya kesalahan itu menjadi pengarah, setiausaha, pengurus atau pegawai lain bagi sharikat itu atau yang di-katakan telah bertindak dalam mana2 jawatan sademikian, ada-lah di-anggap bersalah dan boleh di-kenakan tindakan undang2 terhadap-nya dan di-hukum dengan sewajar-nya melainkan ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah di-lakukan tanpa keizinan atau satahu-nya dan bahawa ia telah menjalankan usaha untok mencheegah berlaku-nya kesalahan itu yang ia seharusnya telah melakukan kerana memikirkan jenis tugas-nya dalam jawatan itu dan segala hal keadaan-nya.

(2) Barang siapa yang seharusnya akan bersalah sekira-nya sasuatu perkara telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh-nya sendiri ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan hukuman yang sama jika perkara itu telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh rakan, ejen atau pekerja-nya dalam menjalankan perniagaan perkongsian atau sewaktu bekerja dengan-nya, yang mana2 satu berkenaan, melainkan ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah di-lakukan tanpa pengetahuan atau keizinan-nya dan bahawa ia telah mengambil langkah2 yang berpatutan untok mencheegah kelalaian dari melakukan perkara tersebut.

(3) Tiada sebarang apa pun di-dalam cherai-an (2) boleh melepaskan mana2 rakan, ejen2 atau pekerja daripada apa jua tanggungjawab terhadap sasuatu kesalahan.

**Memberitahu
ma'alumat.**

21. (1) Sa-saorang tidak boleh memberitahu apa jua ma'alumat yang telah di-perolehi oleh-nya berkaitan dengan pengendalian atau pelaksanaan Undang2 ini, melainkan pemberitahuan itu di-buat —

- (a) dengan izin orang daripada siapa ma'alumat itu telah di-perolehi;
- (b) berkaitan dengan pengendalian atau pelaksanaan Undang2 ini;
- (c) bagi maksud2 sebarang tindakan undang2 yang berbangkit daripada Undang2 ini atau apa jua laporan dari tindakan sademikian; atau
- (d) bagi maksud membantah sesuatu permohonan mendapatkan sesuatu lesen atau apa jua penyiasatan yang di-jalankan di-bawah Undang2 ini.

(2) Barang siapa yang melanggar syarat2 cheraian (1) ada-lah bersalah dan boleh jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-kenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau hukuman penjara selama sa+suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua2-nya hukuman denda dan penjara tersebut.

**Penyampalan.
notis2,
perintah2
dan saman2
[subpoena].**

22. Sasuatu notis, perintah, keputusan, sijil atau saman (subpoena) yang mungkin di-beri, di-buat atau di-keluarkan di-bawah Undang2 ini boleh di-sampaikan —

- (a) dengan menyerahkan-nya sendiri kepada orang kepada siapa ia-nya di-alamatkan; atau
- (b) jika ia-nya di-alamatkan kepada pemegang lesen —
 - (i) dengan menghantarkan-nya ka-mana2 tempat yang di-tunjokkan dalam permohonan mendapatkan lesen sebagai tempat kediaman atau tempat perniagaan pemegang lesen itu dan dengan meninggalkan-nya di-sana dengan sa-saorang untuk pemegang lesen itu; atau

- (ii) dengan mengepos-nya sechara surat berdaftar di-dalam sampul surat yang telah di-buboh setem dan di-alamatkan kepada orang terhadap siapa ia-nya di-alamatkan di-mana2 tempat yang di-tunjokkan dalam permohonan mendapatkan lesen sebagai tempat kediaman atau tempat perniagaan pemegang lesen itu,

dan ada-lah di-anggap telah di-sampaikan bilamana ia-nya telah di-serahkan demikian atau, berkenaan dengan sa-suatu notis, perintah, sijil atau saman (subpoena) yang telah di-sampaikan sapertimana yang di-sebutkan dalam perenggan kechil (ii) dari perenggan (b), ada-lah di-anggap telah di-sampaikan bilamana ia-nya akan di-serahkan dalam waktu sampai-nya surat yang biasa-nya di-kirimkan dengan pos.

**Penyampaian
notis
tindakan
keatas
Lembaga.**

23. Sebarang notis, saman, perintah rasmi (writ) atau tindakan lain yang di-kehendaki untok di-sampaikan kepada Lembaga boleh di-sampaikan dengan menyerahkan-nya kepada sa-orang yang nyata bekerja pada mengendalikan Undang2 ini di-pejabat Lembaga atau, dalam perkara sa-suatu notis, dengan mengirimkan-nya sechara pos berdaftar di-dalam sampul surat yang telah di-buboh setem dan di-alamatkan kepada Lembaga di-pejabat-nya, dan ada-lah di-anggap telah di-sampaikan bilamana ia-nya di-serahkan atau, berkenaan sasatu notis yang di-sampaikan dengan mengirimkan-nya sechara pos, ada-lah di-anggap pada dzahir-nya telah di-sampaikan bilamana ia-nya akan di-serahkan dalam waktu sampai-nya surat yang biasa-nya di-kirimkan dengan pos.

**Dokumen2
bagaimana
di-sahkan.**

24. Tiap2 saman, surat perintah (process), tuntutan, perintah, notis, kenyataan, arahan atau dokumen yang mengkehendaki pengesahan oleh Lembaga boleh di-sahkan dengan memadai tanpa materai Lembaga jika di-tanda-tangani oleh Pengurus atau Pengarah Lembaga.

**Kebenaran
bagi
penda'awaan.**

25. Tiada sebarang mahkamah boleh menjalankan kuasa-nya untuk membicarakan apa jua kesalahan di-bawah Undang2 ini atau peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya kechuali dengan kebenaran bertulis daripada Penda'awa Raya.

Peratoran2.

26. (1) Menteri Besar boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membuat peratoran2 pada 'am-nya bagi menyelenggarakan syarat2 Undang2 ini dan, dengan tidak menyentoh keluasan kuasa demikian, boleh membuat peratoran2 bagi semua atau mana2 dari maksud yang berikut —

- (a) menentukan ma'alumat dan dokumen2 yang akan di-berikan oleh sa-saorang pemohon bagi mendapatkan sa-suatu lesen;
- (b) menentukan apa jua borang yang akan di-gunakan di-bawah Undang2 ini;
- (c) menentukan achara2 yang akan diikuti mengenai permohonan2 dan tindakan2 lain di-bawah Undang2 ini;
- (d) menentukan buku2, kira2 (termasok kira2 amanah) dan rekod2 yang akan di-simpan oleh sa-saorang pemegang lesen dan bentok serta chara menyimpan buku2, kira2 dan rekod2 sa-demikian;

- (e) menentukan bayaran² yang akan di-bayar berthabit dengan lesen² yang di-keluarkan di-bawah Undang² ini;
- (f) menentukan syarat² bagi sa-suatu lesen yang di-keluarkan di-bawah Undang² ini;
- (g) mengator pengurusan agen² pelanchongan dalam perniagaan mereka dan menentukan asas tatachara bagi pengurusan ejen² pelanchongan;
- (h) untok mengechualikan mana² orang atau jenis orang atau mana² kenderaan atau jenis kenderaan dari syarat² Undang² ini; dan
- (i) menubuhkan kumpulan wang ganti-rugi yang boleh di-gunakan untok mengganti-rugi pengembara² yang mungkin mengalami kerugian akibat dari keruntohan kewangan ejen pelanchongan atau akibat dari perbuatan salah ejen pelanchongan, dan pengendalian kumpulan wang sademikian.

(2) Peratoran² tersebut boleh memper-sharatkan bahawa pelanggaran-nya boleh di-kenakan hukuman denda yang tidak lebeh dari sa-puluh ribu ringgit atau hukuman penjara selama sa-suatu tempoh yang tidak melebehi satu tahun atau kedua²-nya hukuman denda dan penjara tersebut dan berkenaan dengan sa-suatu kesalahan yang berterusan boleh mempersharatkan bahawa pelanggaran-nya boleh di-kenakan hukuman denda selanjut-nya yang tidak melebehi sa-ribu ringgit sehari semasa kesalahan itu di-teruskan.

**Sharat²
peralehan.**

27. Dengan tidak menghiraukan sebarang apa jua yang terkandung di-dalam Undang² ini, sa-saorang yang, sabaik-baik sahaja sabelum

tarikh bermula-nya kuatkuasa Undang2 ini telah menjalankan perniagaan ejen pelanchongan adalah berhak untok berbuat demikian tanpa sa-suatu lesen —

- (a) selama satu bulan mulai daripada tarikh bermula-nya kuatkuasa Undang2 ini; dan
- (b) jika sabelum berakhir-nya tempoh itu ia memohon bagi mendapatkan sa-suatu lesen berthabit dengan perniagaan tersebut, sa-hingga lesen itu di-berikan atau akhir-nya di-tolak atau permohonan itu di-tarek balek.

Di-luluskan pada 11 haribulan Januari, 1978.

JUDIN ASAR,
Jurutulis,
Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.